



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
12 Februari 2026



62 institusi TVET terima pengiktirafan 5 bintang, perkasa sektor kemahiran

Oleh **AMIRUL AIMAN OSMAN**
amirul.aiman@mediamulla.com.my

KUALA LUMPUR: Sebanyak 62 Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melabikan 155 program menerima Anugerah 5 Bintang bagi sesi penarafan tahun 2025 membuktikan tahap kecemerlangan dan kualiti latihan kemahiran negara yang semakin kukuh.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri R. Ramanan berkata, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), iaitu dari tahun 2023 hingga 2025, sebanyak 1,720 program daripada 597 institusi TVET telah dinilai.

Malah, sebanyak 96 peratus daripadanya telah mencapai status Program Berkhas, jauh mengatasi sasaran nasional sebanyak 70 peratus yang telah ditetapkan.

Menurutnya, sebagai usaha dalam memperkukuhkan institusi ini, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah memperkenalkan pelan hala tuju baharu dikenali sebagai (RE)VOLUSI TVET 2026-2030 bagi melonjakkan TVET Malaysia ke tahap global.

"Sebagai langkah awal di bawah pelan tersebut, kerajaan akan memperkenalkan Malaysia TVET



R. RAMANAN (tengah) menerima plak selepas melancarkan Malaysia TVET Rating pada Majlis Anugerah Institusi TVET 5 Bintang di ibu negara, semalam.

Rating iaitu sistem penarafan bersepadu dan komprehensif bertaraf antarabangsa yang menghimpunkan semua piala sedia ada di bawah satu kerangka nasional.

"Sistem itu akan berfungsi sebagai meter kebangsaan prestasi TVET selain meningkatkan ketelusan, akauntabiliti serta standard institusi latihan kemahiran di negara ini," katanya ketika berucap pada Majlis Anugerah Institusi TVET 5 Bintang

di ibu negara, semalam.

Ramanan berkata, majlis penganugerahan institusi TVET itu mencerminkan pernyataan dasar serta isyarat transformasi jelas kerajaan dalam memartabatkan pendidikan kemahiran sebagai laluan utama kerjaya masa depan.

Katanya, TVET kini bukan lagi pilihan kedua, sebaliknya menjadi teras utama strategi pembangunan modal insan serta daya saing ekonomi negara.

"Persepsi bahawa TVET adalah

pilihan alternatif perlu diubah kerana graduan bidang tersebut terbukti mempunyai kebolehpasaran kerja yang tinggi dan mampu memasuki pasaran pekerjaan dengan lebih pantas berbanding sesetengah graduan lain.

"Kerajaan menegaskan reformasi tidak boleh bersifat kosmetik. Ia mesti menyentuh akar dan TVET adalah antara akar terpenting dalam membina ekonomi yang adil, mampan dan berdaya saing," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, industri TVET telah membuktikan kecemerlangan bukan sekadar slogan tetapi dapat diukur dan dinilai secara objektif melalui sistem penarafan yang telus.

Beliau berkata, landskap TVET negara yang sebelum ini bersifat pelbagai dan berpecah kini diselaraskan menerusi Penarafan Tunggal Program TVET sebagai standard nasional yang telus dan konsisten.

"Langkah itu memastikan setiap pelaburan kerajaan serta industri dalam sektor TVET memberi pulangan terbaik kepada rakyat," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), kerajaan juga akan melaksanakan Penarafan Institusi TVET serta Indeks Prestasi TVET Nasional yang bakal menilai keseluruhan ekosistem TVET secara menyeluruh, berasaskan data dan setara dengan amalan terbaik antarabangsa. "Langkah tersebut diyakini mampu memperkukuh kedudukan TVET sebagai pemacu utama pembangunan modal insan negara sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan dan berdaya saing di peringkat global," katanya.

Akhbar	The Star
Tarikh	12 Februari 2026
Ruang	Nation
Muka Surat	5

Ramanan: TVET key to transforming country's workforce

By KHOO JIAN TENG
khoo.jianteng@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Technical and Vocational Education and Training (TVET) is transforming Malaysia's workforce, says Datuk Seri R. Ramanan (*pic*).

The Human Resources Minister said the government is repositioning TVET as the main pillar of the nation's human capital strategy.

"Technical and vocational education and training is no longer a

second option nor an alternative path.

"It is the main pillar of the country's strategy for the development of workforce and economic resources," he said at the 5-Star TVET Institute Awards yesterday.

Drawing from personal experience, Ramanan highlighted how the earning potential in skilled sectors has dramatically increased.

"When I graduated with an



engineering degree in the early 2000s, my starting salary was RM1,980. Today, someone with the right skills in certain TVET sectors can start at RM16,000."

He said the Advanced Technology Training Centre (ADTEC) as a model institution has a 95.5% graduate employability rate and 97.2% employer satisfaction rate.

Ramanan said the government is making large investments into

TVET development, including RM100mil recently announced by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim for high-skilled training programmes.

Under the 12th Malaysia Plan, 1,720 programmes across 597 TVET institutions were evaluated, with up to 98% achieving effective programme status, far exceeding the 70% national target.

Ramanan pointed to the urgency of adapting to rapid technological change, noting that basic digi-

tal literacy is no longer enough.

The minister urged Malaysians to embrace emerging fields such as artificial intelligence (AI), highlighting free AI training programmes set to benefit 22,000 participants nationwide.

"Go for TVET. It is about making ourselves better for tomorrow, better jobs, better income and better quality of life.

"The future of the country depends on the quality of the workforce we build today," he said.